



**SURAT PEMBERITAHUAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**BILANGAN 06/ 2023**

**BENGGEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)**  
**BAGI TAHUN 2023**

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan yang tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan adalah seperti berikut:

**1. SYARAT UTAMA**

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB);
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mengikuti bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

**2. SYARAT LAIN**

- 2.1 **PEGAWAI YANG MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan mengikuti bengkel dan seterusnya menduduki peperiksaan;
- 2.2 Pegawai yang pernah menduduki peperiksaan MIB tetapi gagal dikehendaki untuk mengikuti bengkel sebelum menduduki peperiksaan.

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 1/3





### 3. JADUAL BENGKEL DAN PEPERIKSAAN

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH PERMOHONAN	
	BENGGEL	PEPERIKSAAN	DIBUKA	DITUTUP
Jun	19 – 20 Jun 2023 Isnin - Selasa	24 Jun 2023 Sabtu	5 April 2023 Rabu	19 April 2023 Rabu
September	18 – 19 September 2023 Isnin - Selasa	23 September 2023 Sabtu	4 Julai 2023 Selasa	18 Julai 2023 Selasa

\*\* Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

### 4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan akan dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing, sepertimana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul *Training and Event Management* Sistem Sumber Manusia."
- 4.2 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end* SSM mengenai permohonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

### 5 HAL – HAL LAIN

- 5.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:
- 5.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1444 // Januari 2023

Muka surat 2/3

N



5.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.

5.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa maklumat dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

## 6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : [exam.hrsu@psd.gov.bn](mailto:exam.hrsu@psd.gov.bn)

Sekian kaola/saya sampaikan untuk maklumat bersama.

وَاللَّهُ لِيُتَوَفَّقَ

*'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'  
"Mengukuhkan Sosio-Ekonomi Negara, Tanggungjawab Bersama"*

[ DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN ]  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam